

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) TEMU DUGA DAN UJIAN FIZIKAL
DALAM TEMPOH PKP/ PKPB/ PKPP**

A. TATACARA PELAKSANAAN

1. Sekiranya pergerakan ke pusat temu duga/ ujian fizikal melibatkan rentas daerah/ negeri, calon dikehendaki menguruskan permit pergerakan rentas daerah/ negeri daripada PDRM.
2. Calon tidak dibenarkan berhimpun. Kehadiran ke pusat temu duga/ ujian fizikal **mengikut masa yang ditetapkan sahaja**. Calon dikehendaki hadir **30 minit sebelum waktu yang ditetapkan** dan elakkan tiba lebih awal supaya tidak berlaku kesesakan di pusat temu duga/ ujian fizikal. Pengiring atau ahli keluarga calon juga tidak dibenarkan masuk.
3. Calon hendaklah patuh kepada SOP PKP/ PKPB/ PKPP iaitu **memakai pelindung muka (*face shield*)* dan pelitup muka (*face mask*)*, menggunakan sanitasi tangan (*hand sanitizer*), pengambilan suhu badan di pintu masuk pusat temu duga/ pusat ujian serta penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1.5 meter** semasa menunggu giliran dan sepanjang semua aktiviti termasuk jarak antara calon dan panel temu duga/ penguji.

*** perlu dibawa sendiri oleh calon.**

4. Calon yang merupakan *Person Under Investigation* (PUI) atau *Person Under Surveillance* (PUS) adalah dilarang sama sekali hadir ke pusat temu duga/ ujian fizikal dan hendaklah meneruskan kuarantin di rumah. Calon juga hendaklah mengemukakan **salinan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit COVID-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]** kepada urus setia di alamat e-mel pgtd@spa.gov.my.

B. TANGGUNGJAWAB CALON TEMU DUGA/ UJIAN FIZIKAL

1. Sebelum Temu Duga/ Ujian Fizikal

- 1.1 Muat turun aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing.
- 1.2 Bawa alat tulis sendiri.

2. **Semasa Temu Duga/ Ujian Fizikal**

- 2.1 Saringan suhu badan dan gejala dilakukan di pintu masuk pusat temu duga/ ujian fizikal.
- 2.2 Calon yang mempunyai gejala seperti batuk, sakit tekak, selesema atau suhu badan melebihi 37.5°C tidak dibenarkan masuk dan dinasihatkan ke klinik kesihatan berhampiran dengan segera. Sesi temu duga akan dijadualkan semula dan dimaklumkan kepada calon.
- 2.3 Daftar kehadiran melalui aplikasi MySejahtera dan imbasan *QR Code* SPA di kaunter pendaftaran di pusat temu duga/ ujian fizikal. Bagi calon yang tidak mempunyai telefon pintar, daftar kehadiran di buku log pendaftaran yang disediakan.
- 2.4 Bagi calon OKU, urusan pergerakan calon di pusat temu duga akan dibantu oleh urus setia sehingga selesai.
- 2.5 Amalkan penjarakan sosial dan kebersihan tangan semasa berada di pusat temu duga/ ujian fizikal.

3. **Selepas Temu Duga/ Ujian Fizikal**

- 3.1 Beredar dari pusat temu duga/ ujian fizikal dengan kadar segera setelah urusan selesai.




TATACARA PENCEGAHAN **COVID-19** PUSAT TEMU DUGA SPA



CALON HENDAKLAH :



MEMAKAI
PELITUP SEPARUH MUKA & FACE SHIELD



AMALKAN **PENJARAKAN SOSIAL**
1 METER SETIAP MASA



MELAKUKAN **SARINGAN KESIHATAN**
SERTA MENGIMBAS **MYSEJAHTERA**
DI PUSAT TEMU DUGA



MENCUCI TANGAN
MENGUNAKAN *HAND SANITIZER YANG DISEDIAKAN*



BERADA DI PUSAT TEMU DUGA
TIDAK LEBIH AWAL 30 MINIT
DARI MASA TEMU DUGA



CALON DILARANG :



BERSALAMAN, BERSENTUHAN
DAN BERLEGAR-LEGAR TANPA TUJUAN



MEMBAWA PENGIRING / KELUARGA
KE PREMIS SPA / PUSAT TEMU DUGA